

26 JANUARI 2018

## Nafi guna THC



# NAFI GUNA THC

■ **Mahkamah membenarkan Farid diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin**

Murni Wan Omar dan Najy Jefri  
am@hmetro.com.my

### Petaling Jaya

**P**elakon dan pengarah, Dattuk Farid Kamil Zahari, 37, dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas pertuduhan penggunaan dadah THC, dua minggu lalu.

Farid bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Nor Ariffin Hisham.

Tertuduh didakwa menggunakan dadah jenis 11-nor-delta-9-tetrahydro cannabinol-9-carboxylic acid (THC) di Pejabat Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya pada jam 4.30 petang, 11 Januari lalu.

Bagi perbuatan itu, Farid didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Tertuduh yang kelihatan tenang ketika pertuduhan dibacakan diwakili peguam Athari Bahardi.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya Fazeedah Faik dan beliau tidak menawarkan sebarang jaminan.

Mahkamah membenarkan Farid diikat jamin

RM3,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah juga memerintahkan pasport Farid diserahkan kepada mahkamah dan menetapkan 5 Mac ini untuk sebutan semula kes.

Farid tiba di pekarangan mahkamah pada jam 9 pagi, bagaimanapun berada di dalam kereta sehingga dibawa ke kaunter pendaftaran kes oleh pegawai polis pada jam 10.30 pagi.

Selesai pendaftaran, Farid yang turut ditemani adiknya, Fadzil Bahari Zahari dibawa naik ke Mahkamah Majistret 1 untuk pendakwaan.

Sebelum ini, Farid sudah didakwa di mahkamah yang sama atas empat pertuduhan iaitu dua tuduhan menyebabkan kecederaan, berkelakuan tidak senonoh dan mengganggu penjawat awam di Balai Polis Trafik Kota Damansara, minggu lalu.

Suami kepada pelakon Datin Diana Danielle itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

Sementara itu, Farid ketika ditemui mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia kerana tidak putus-mendoakan kesejahteraan hidupnya dan keluarga.

"Apa-apa isu pun masih lagi dalam prosiding mahkamah dan oleh itu, saya menghormati keputusan mahkamah.

"Saya berasa gembira kerana ada isteri dan anak yang tidak berhenti-mendoakan keselamatan saya," katanya sambil tersenyum.